

Jonathan kejutkan pemenang emas Olimpik

MINGGUAN
MALAYSIA
27/8/2017 p. 23

BINTANG semalam

KUALA LUMPUR 26 Ogos -

“Sukar untuk saya berdiri, seluruh tubuh saya berasa kebas,” itu reaksi Jonathan Wong kepada pemberita selepas dia menundukkan pemenang pingat emas Sukan Olimpik, Hoang Xuan Vinh dalam acara akhir 50 meter *air pistol* dalam Sukan SEA ke-29 di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan di sini, hari ini.

Jonathan meraih pingat emas setelah mengumpul 238.3 mata yang juga merupakan rekod baharu temasya pada *final* di bawah format baharu.

Rekod lama dipegang oleh penembak Vietnam, Tran Quoc Cuong yang melakar 197.4 mata pada temasya, dua tahun lalu.

Hoang Xuan yang berasal dari Vietnam mencatat 234.1 mata untuk pingat perak, manakala gangsa menjadi milik penembak Myanmar, Kyaw Swar Win yang mengutip 214.8 mata.

Menurut Jonathan, dia sama sekali tidak menyangka mampu melakar keputusan sebaik itu, kerana lawannya bukanlah calang-calang pencabar.

“Semasa tembakan terakhir tadi, saya rasa seperti dah tak ada tenaga. Kemenangan ini memang saya tak jangka. Tugas saya hanya memberikan yang terbaik.

“Saya berasa tekanan agak besar, jadi saya cuba bertenang, dekat belakang pula saya dengar jurulatih asyik cakap jauh lagi, jauh lagi (kutip mata),” katanya.

Mengulas lanjut, penembak berusia 25 tahun itu memberitahu, sebelum acara akhir tersebut berlangsung, dia tidak berada pada prestasi terbaiknya.

“Ini acara terakhir saya. Saya berasa sangat tertekan, sehingga memaksa saya berjumpa pakar psikologi, semalam untuk mendapatkan nasihat,” jelasnya yang menasaskan untuk beraksi di

pentas Olimpik, selepas ini.

Selain pingat emas yang dimenangi Jonathan pada hari terakhir menembak, Malaysia merangkul pingat perak serta gangsa menerusi Bernard Yeoh dan Nur Suryani Mohd. Taibi.

Bernard memenangi perak di dalam acara trap lelaki setelah mengumpul 42 mata, manakala Nur Suryani membawa pulang gangsa menerusi 50 meter rifle 3 posisi wanita akhir apabila mengutip 434.6 mata.

Malaysia menutup aksi di lapang sasar, hari ini dengan pungutan 4 emas, 5 perak dan 3 gangsa untuk berada ditempat kedua di belakang Thailand yang menggondol 5 emas, 2 Perak serta 5 gangsa.



JONATHAN WONG bersama pingat emas dan perak yang dimenanginya dalam Sukan SEA setakat ini termasuk selepas menjuarai acara menembak 50 meter *air pistol*, semalam.